

'Saya jerit sekuat hati minta tolong'

JOHOR BAHRU - "Saya menangis dan menjerit sekuat hati minta tolong. Waktu itu saya seorang saja dalam wad," demikian cerita salah seorang pesakit, Natinah Denan, yang berkongsi detik cemas ketika kejadian kebakaran di HSA, di sini, semalam.

Dalam ketakutan diselubungi asap tebal yang

memenuhi ruang Wad Neurologi di tingkat empat bangunan induk HSA itu, Natinah, 63, bernasib baik apabila seorang doktor datang menyelamatkannya dengan membuka alat oksigen yang dipakainya.

Menurutnya, doktor wanita itu pantas menyorong katilnya keluar dari wad.

"Sebelum dipindahkan ke wad biasa, saya dirawat di ICU (unit rawatan rapi) yang terbakar itu.

Sepanjang lima hari di

ICU, saya sentiasa rasa tak sedap hati dan tak lena. Saya menangis, minta doktor pindahkan saya ke wad lain.

"Jika saya masih berada di wad ICU hari ini (semalam), saya tak tahu apa yang akan jadi pada saya. Alhamdulillah, umur saya masih panjang," katanya ketika ditemui di bilik seminar, Blok D, HSA.

Natinah berkata, keadaan jadi kelam-kabut ketika kakitangan hospital cuba menyelamatkan mangsa di wad bangunan induk.

Katanya, dia terus menghubungi anak perempuannya, Nursakila Tukiman, 28, yang pulang sebentar ke rumah mereka di Kota Tinggi, memaklumkan mengenai kejadian berkenaan.

Nursakila, ketika ditemui berkata, dia terkejut mendengar tentang kejadian itu.

Menurutnya, ibunya dimasuk-



Staf HSA menanggalkan cermin tingkap bagi memudahkan anggota bomba masuk ke dalam bangunan untuk memadam api.

kan ke HSA 19 hari lalu akibat batu karang.

Dia menemani ibunya setiap hari di hospital, tetapi pulang sebelah malam.

"Apa pun, saya bersyukur dan lega kerana ibu selamat. Saya amat berterima kasih kepada kakitangan hospital yang membantu menyelamatkan ibu saya," katanya.

Nursakila mengucap Natinah dan bersyukur ibunya selamat dalam kebakaran melibatkan wad ICU di tingkat dua HSA, semalam.

Exco rayu hospital swasta terima pesakit

JOHOR BAHRU - Kerajaan negeri sedang berusaha menyediakan wad alternatif untuk pesakit-pesakit yang terlibat dalam kejadian kebakaran di HSA, di sini.

Exco Kesihatan negeri, Datuk Ayub Rahmat meminta hospital swasta membenarkan mangsa mendapatkan rawatan, terutama kepada pesakit kritikal serta wanita bersalin.

"Kami serahkan sepenuhnya kepada polis dan bomba bagi menyasat punca kebakaran dan kita sedang cari peluang untuk pindahkan mangsa yang sedang dirawat.

"Hospital Sultan Ismail ketika ini sesak. Jadi saya harap hospital swasta membenarkan mangsa mendapatkan rawatan di hospital mereka," katanya dalam satu kenyataan.



AYUB

'Jenazah kelihatan seperti tersenyum'

JOHORBAHRU - "Saya lihat jenazah seperti tersenyum dan tiada kesan melecir di badannya," kata Noralina Khalil ketika ditemui selepas pengecaman mayat mangsa kebakaran Hospital Sultanah Aminah, di sini, semalam.

Noralina, sepupu kepada Yusof Hassan, 53, iaitu seorang daripada enam mangsa yang maut akibat kebakaran di wad ICU aras dua bangunan induk hospital itu, memaklumkan mangsa dimasukkan ke wad berkenaan tiga hari lalu.

Menurutnya, Yusof dimasukkan ke Hospital Sultanah Nora, Batu Pahat, sebelum dipindahkan ke ICU HSA kerana perlu menjalani pembedahan akibat tumor.



NORALINA

"Arwah anak tunggal dan tak berkahwin. Ibu bapanya dah meninggal dunia. Sebelum ini dia tak pernah mengalami masalah kesihatan.

"Dia juga alami kerencatan, namun tak pernah ganggu orang lain, malah seorang yang baik," katanya.

Katanya, jenazah Yusof dibawa pulang ke Kampung Separap, Batu Pahat, untuk disemadikan.

Sementara itu, bapa seorang mangsa kebakaran, K Muniandy, 49, berkata, anaknya, M Kaliama, 23, meninggal dunia dalam kebakaran di HSA pada hari ulang tahun kelahirannya.

Katanya, anaknya dimasukkan ke HSA sejak lima hari lalu kerana sawan.

"Kami tak sangka ketika masyarakat India bersiap sambut Deepavali, kami hilang anak sulung," katanya.

INFO KRONOLOGI KEBAKARAN HOSPITAL TEMPATAN

- **26 MAC 2013**
Orang ramai di Hospital Umum Sarawak (HUS) gempar dan panik apabila terowong utiliti terbakar dan diselubungi asap tebal.
- **14 NOVEMBER 2013**
Beberapa kepingan siling di wad Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU) Hospital Serdang yang sedang dibaiki runtuh jam 1.30 pagi, tetapi tiada sebarang kecederaan dilaporkan.
- **16 FEBRUARI 2014**
Seorang pekerja binaan maut selepas terperangkap dalam asap tebal akibat kebakaran di tingkat bawah bangunan baharu Hospital Umum Sarawak (HUS).
- **11 NOVEMBER 2014**
Ruang pejabat di tingkat dua bangunan hospital pakar mata swasta di Jalan Masjid Negeri, Georgetown musnah dalam kebakaran.
- **11 OKTOBER 2015**
Hampir 100 orang termasuk pengunjung panik apabila sebuah kotak fuis tiba-tiba terbakar di ruang menunggu Zon Hijau, Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Melaka. Bagaimanapun, tindakan pantas kakitangan hospital itu memadamkan api menggunakan alat pemadam api berjaya mengelak kebakaran merebak.
- **5 SEPTEMBER 2015**
Struktur bangunan kantin Hospital Baling musnah dalam kebakaran, mengakibatkan kerugian kira-kira RM320,000. Kejadian berlaku ketika tiga pekerja kantin sedang memasak bagi menyediakan makanan untuk dijual.
- **19 FEBRUARI 2016**
Anggota bomba terpaksa mengeluarkan 11 pesakit termasuk lima bayi, selain mengarahkan semua kakitangan Hospital Pakar MUIP, Jalan Gambut, Kuantan, keluar ke tempat selamat selepas sebuah bilik perkakasan elektrik hospital itu terbakar. Tiada sebarang kecederaan atau kemalangan jiwa berlaku, namun pesakit dilaporkan terpaksa dipindahkan ke beberapa hospital berhampiran.
- **11 JULAI 2016**
Kebakaran di Bilik Kawalan Kuasa Hospital Pakar KPJ Damai, Kota Kinabalu kira-kira jam 5.30 pagi memaksa 28 pesakit dipindahkan ke blok bangunan lain.
- **15 OGOS 2016**
Stor simpanan barang penyelenggaraan Pusat Perubatan Sri Kota Klang, terbakar.